

24 JUL 1996

Anugerah-Mahathir

MAHATHIR AKAN DIANUGERAH ZAMALAH AKADEMI SAINS

PETALING JAYA, 24 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan dianugerahkan Zamalah Kehormat Akademi Sains Malaysia sempena perayaan ulangtahun pertama akademi itu 2 Ogos ini.

Mahathir dipilih kerana sumbangan penting dan komitmen beliau terhadap pertumbuhan sains dan teknologi di negara ini, kata anggota Majlis Akademi itu Prof Datuk Dr Syed Jalaludin Syed Halim pada satu sidang berita di sini hari ini.

Anugerah itu akan disampaikan pada majlis Malam Anugerah Akademi Sains Malaysia pada hari yang sama.

Jamuan malam itu akan menyaksikan pelancaran buku mengenai sumbangan Dr Mahathir terhadap kepesatan industri berteknologi tinggi bertajuk "Contribution to the Development of Science Engineering and Technology in Malaysia" yang merupakan buku terbitan pertama akademi itu.

Buku itu juga merupakan yang pertama mengenai kepimpinan Dr Mahathir dan sumbangan besarnya sebagai bapa pemodernan dengan menjadikan Malaysia sebuah negara perindustrian.

Buku itu ditulis bersama Sumanggala Pillai, Ketua Penerbit Akademi itu dan Pengarah Pusat Kajian Dasar Pertanian Fakulti Ekonomi Universiti Pertanian Malaysia Prof Abdul Aziz Abdul Rahman.

Syed Jalaludin berkata versi Bahasa Melayu buku itu dijangka siap Oktober ini.

Sejak pembukaannya pada 8 Sept tahun lepas akademi itu mempunyai 50 pengasas fellow termasuk Tan Sri Dr Mustaffa Babjee, bekas Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Datuk Dr Tengku Azzman Sharifadeen Ibrahim, Ketua Pengarah Institut Sistem Mikro-elektronik Malaysia (Mimos). --

BERNAMA

NI RON